

Perluas skop ekonomi jika mahu negara terus membangun



ABU SUFIAN
ABUBAKAR

PERTUMBUHAN Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia sebanyak 5.3 peratus pada suku ketiga 2024 adalah pencapaian yang positif, mencerminkan daya tahan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran global yang berterusan.

Perkembangan ini sejiring dengan teori pertumbuhan ekonomi seperti Model Solow-Swan, yang menekankan pentingnya pelaburan strategik, peningkatan produktiviti dan pembangunan modal insan untuk mencapai pertumbuhan jangka panjang. Momentum ini, jika diteruskan, mampu membawa Malaysia ke landasan yang kukuh untuk pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif.

Penggunaan domestik kekal sebagai salah satu pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Penggunaan domestik yang lebih tinggi sering dikaitkan dengan peningkatan pendapatan isi rumah, keyakinan pengguna serta akses yang lebih mudah kepada pinjaman dan pembiayaan.

Menurut teori Keynesian, perbelanjaan pengguna merupakan elemen penting dalam mendorong permintaan agregat, yang seterusnya merangsang pengeluaran, pekerjaan dan pendapatan.

Dalam konteks Malaysia, peningkatan penggunaan domestik didorong oleh beberapa faktor utama, termasuk inisiatif kerajaan seperti bantuan tunai, pengurangan cukai, serta kadar faedah rendah yang menggalakkan pembelian secara kredit. Data terkini menunjukkan peningkatan isi rumah median meningkat sebanyak 4.2 peratus tahun ke tahun sehingga Ogos 2024, menggambarkan pemulihan ekonomi yang positif.

Selain itu, teknologi digital dan e-dagang memainkan peranan penting dalam meningkatkan penggunaan domestik. Kemudahan membeli-belah dalam talian dan transaksi mudah alih mengubah corak perbelanjaan



DENGAN melaksanakan dasar yang progresif dan berpandangan jauh, Malaysia dapat meningkatkan daya saing di peringkat global serta menjamin kesejahteraan ekonomi rakyat.

isi rumah, memberi ruang kepada perbelanjaan yang lebih fleksibel dan moden.

Walaupun perkembangan ini memberi isyarat positif bahawa ekonomi sedang sihat, terdapat risiko jangka panjang yang perlu diberi perhatian. Sebagai contoh, peningkatan penggunaan domestik yang bergantung kepada hutang isi rumah boleh menyebabkan risiko kewangan yang besar. Hutang isi rumah yang tinggi, jika tidak diuruskan dengan baik, berpotensi mewujudkan gelembung kredit yang akhirnya boleh menjejaskan kestabilan ekonomi.

EKSPORT DAN KOMODITI

Sektor ini terus menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia, memberikan sumbangan besar kepada pendapatan negara, penciptaan pekerjaan dan kestabilan ekonomi. Eksport produk seperti minyak sawit, gas asli dan komponen elektronik menyumbang secara signifikan kepada lebihan dagangan dari aliran masuk tukaran asing.

Pada suku ketiga 2024, eksport barangan elektronik Malaysia meningkat sebanyak 5.8 peratus, didorong oleh permintaan global yang tinggi terhadap semikonduktor dan peranti elektronik.

Harga minyak sawit yang kekal stabil pada purata RM4,800 per tan juga menyokong pertumbuhan pendapatan eksport.

Namun, pergantungan berlebihan kepada eksport komoditi membawa risiko besar. Harga komoditi yang tidak menentu sering dipengaruhi oleh faktor global seperti perubahan permintaan, ketidakstabilan geopolitik dan krisis ekonomi. Sebagai contoh, penurunan mendadak harga minyak mentah atau minyak sawit boleh memberi kesan negatif kepada pendapatan negara, menjejaskan lebihan dagangan dan mewujudkan ketidakseimbangan bajet.

Lebih buruk lagi, fokus yang berlebihan terhadap eksport komoditi boleh menghalang Malaysia daripada mempelbagaikan asas ekonominya dan memperlancarkan peralihan kepada sektor bernilai tinggi seperti ekonomi digital dan berasaskan pengetahuan.

DIVERSIFIKASI EKONOMI

Dalam usaha untuk memastikan ekonomi Malaysia terus berkembang dan kekal berdaya saing, kerajaan perlu mengambil langkah strategik yang menyokong pertumbuhan jangka panjang. Salah satu langkah utama ialah diversifikasi ekonomi. Dengan memperluaskan skop ekonomi kepada sektor lain seperti teknologi maklumat, perkhidmatan kewangan dan pelancongan, Malaysia dapat mengurangkan ketergantungan terhadap komoditi.

Dengan memperluaskan skop ekonomi kepada sektor lain seperti teknologi maklumat, perkhidmatan kewangan dan pelancongan, Malaysia dapat mengurangkan ketergantungan terhadap komoditi."

Pelaburan dalam teknologi hijau dan ekonomi digital bukan sahaja membantu menangani kejutan ekonomi tetapi juga sejajar dengan amalan negara-negara maju seperti Korea Selatan, yang berjaya mempelbagaikan asas ekonomi mereka untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan peningkatan tunggal.

Peningkatan produktiviti merupakan satu lagi elemen penting dalam strategi pertumbuhan ekonomi. Menurut teori Model Solow, pertumbuhan produktiviti yang mampan dapat dicapai melalui inovasi dan teknologi baharu.

Malaysia memulakan usaha ke arah ini dengan memperkenalkannya inisiatif seperti Revolusi Industri 4.0, yang bertujuan meningkatkan kecekapan sektor pembuatan dan menggalakkan automasi. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global tetapi juga membuka ruang untuk perkembangan sektor bernilai tinggi seperti pembuatan teknologi tinggi.

Pelaburan strategik dalam teknologi hijau dan digital juga penting untuk masa depan ekonomi Malaysia. Tenaga boleh diperbaharui seperti solar dan hidro menawarkan penyelesaian mampan terhadap cabaran perubahan iklim sambil mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

Malaysia melancarkan Dana Hijau Nasional yang setakat ini menjana pelaburan sebanyak RM5 bilion pada suku kedua 2024. Selain itu, pembangunan sektor digital seperti kecerdasan buatan (AI) dan teknologi blockchain juga mampu memperkasakan inovasi tempatan dan menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara ini.

Pelaburan dalam modal insan turut menjadi keutamaan. Pendidikan dan program latihan semula yang relevan dapat memastikan tenaga kerja Malaysia mampu mengadaptasi perubahan teknologi dan ekonomi. Menurut teori modal insan oleh Gary Becker, tenaga kerja berkemahiran tinggi dapat meningkatkan produktiviti dan seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi. Negara-negara seperti Jerman dan Jepun telah membuktikan bahawa pelaburan besar dalam pendidikan dan latihan mampu membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Dengan melaksanakan dasar yang progresif dan berpandangan jauh, Malaysia dapat meningkatkan daya saingnya di peringkat global, menjamin kesejahteraan ekonomi rakyat, dan mengukuhkan kedudukannya sebagai salah satu ekonomi terkemuka di Asia Tenggara.

DR. Abu Sufian Abu Bakar ialah Petyarah Karon di Pusat Pengajian Ekonomi, Wang dan Bank, Universiti Utara Malaysia (UUM).